



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 16 /2024

**BERUNTUNGNYA MENJADI UMAT NABI
MUHAMMAD SAW**

19 April 2024
Bersamaan
10 Syawal 1445

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي شَرَّفَ أُمَّةَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْقُرْآنِ وَالْإِسْلَامِ،
وَجَعَلَهَا أُمَّةً وَسَطًا بَيْنَ سَائِرِ الْأُمَمِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى عَلِيٍّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْكَرِيمِ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَتُوبُوا إِلَيْهِ جَمِيعًا، لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya, dan juga meninggalkan segala larangan-Nya.

Ingatlah, hanya dengan bertakwa kepada Allah SWT, setiap manusia akan memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Pada hari Jumaat yang penuh barakah ini, khatib menyeru kepada semua agar dapat memberi tumpuan kepada khutbah yang bertajuk:

BERUNTUNGNYA MENJADI UMAT NABI MUHAMMAD SAW

Muslimin yang berbahagia,

Kita sangat beruntung kerana dilahirkan sebagai umat Nabi Muhammad SAW. Baginda ialah rasul terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT untuk seluruh manusia. Kedudukan baginda sebagai penghulu sekalian para nabi dan rasul menjadikan umatnya turut beruntung kerana mendapat kelebihan berbanding umat-umat sebelumnya.

Allah SWT mengiktiraf kedudukan umat Nabi Muhammd SAW sebagai sebaik-baik umat sepertimana dinyatakan dalam Surah Ali 'Imran, ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya: Kamu wahai umat Muhammad SAW adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang buruk dan keji, serta kamu pula beriman kepada Allah dengan sebenar-benar iman.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW sangat beruntung kerana dianugerahkan keistimewaan yang tidak dikurniakan kepada umat-umat terdahulu. Antara keistimewaan tersebut ialah umat Nabi Muhammad SAW dikurniakan sebuah kitab suci al-Quran, kandungannya kekal terpelihara sehingga ke hari Kiamat. Perkara ini tidak berlaku kepada umat terdahulu kerana ada dalam kalangan mereka yang telah mengubah kandungan kitab suci mereka.

Oleh kerana al-Quran masih ada sehingga ke hari ini, maka umat Islam terus berada pada jalan yang lurus sepertimana yang dikehendaki oleh Allah SWT. Al-Quran dipelihara oleh Allah SWT sehingga membuatkan umat Nabi Muhammad SAW terus mendapat rahmat dan petunjuk daripada-Nya.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hijr, ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Umat Nabi Muhammad SAW beruntung kerana dikurniakan pelbagai jenis pahala kebajikan yang berlipat kali ganda. Amalan yang sedikit boleh mendatangkan pahala yang berganda. Ini menggambarkan keluasan rahmat Allah SWT yang mengasihi para hamba-Nya daripada kalangan umat Nabi Muhammad SAW.

Contohnya malam Lailatul Qadar pada bulan Ramadan yang kemunculannya berlaku setiap tahun tanpa henti. Pahala beribadah pada malam Lailatul Qadar dinyatakan lebih baik daripada pahala beribadah selama seribu bulan.

Menurut al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani dalam kitabnya *Fathul Bari*, Lailatul Qadar khusus untuk umat Nabi Muhammad SAW sahaja dan tidak ada pada umat-umat sebelumnya. Umat terdahulu dikurniakan oleh Allah SWT dengan usia yang panjang untuk mereka beribadah. Manakala umat Nabi Muhammad SAW dikurniakan dengan kelebihan amalan yang digandakan pahalanya.

Begitu juga ibadah puasa enam hari dalam bulan Syawal yang disunatkan setelah umat Islam selesai menunaikan puasa sebulan Ramadan. Ganjaran pahalanya dikurniakan seperti pahala berpuasa setahun, sebagaimana hadis Nabi SAW:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Maksudnya: Sesiapa yang berpuasa Ramadan, kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, maka dia seperti puasa setahun.

(Hadis riwayat Muslim)

Begitulah luasnya rahmat Allah SWT untuk sekalian umat Nabi Muhammad SAW.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Umat Nabi Muhammad SAW juga beruntung kerana diberi peluang untuk kembali bertaubat kepada Allah SWT setelah melakukan dosa. Hal ini sepertimana yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis Qudsi:

يَا ابْنَ آدَمَ، لَوْ أَتَيْتَنِي بِقُرَابِ الْأَرْضِ خَطِيئًا
ثُمَّ لَقَيْتَنِي لَا تُشْرِكُ بِي شَيْئًا لَأَتَيْتُكَ بِقُرَابِهَا مَغْفِرَةً

Maksudnya: Wahai anak Adam, jika kamu datang kepada-Ku dengan kesalahan sepenuh bumi, kemudian kamu menemui-Ku dengan tidak menyekutukan Aku sedikitpun, maka akan Aku temui kamu dengan sepenuh itu pula keampunan-Ku.

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Keampunan yang dikurniakan oleh Allah kepada umat Nabi Muhammad SAW menandakan kasih sayang-Nya terhadap umat ini. Bayangkan dosa dilakukan oleh umat terdahulu, mereka ditimpa dengan azab yang cukup mengerikan lantaran menolak agama yang dibawa oleh rasul masing-masing. Azab seksa yang

diturunkan ke atas umat-umat terdahulu dirakamkan dalam al-Quran supaya umat Nabi Muhammad SAW mengambil pengajaran daripadanya.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Umat Nabi Muhammad SAW turut diberi keistimewaan di akhirat nanti. Antaranya ialah umat Nabi Muhammad SAW merupakan kalangan manusia yang akan mula-mula dinilai amalan mereka oleh Allah SWT. Ini berdasarkan penjelasan Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Kami adalah umat yang terakhir hidup di dunia ini, dan yang pertama pada hari kebangkitan akan dinilai amalan sebelum manusia lainnya.”

(Hadis riwayat Muslim)

Betapa beruntungnya kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW yang mendapat keistimewaan bukan sahaja ketika berada di dunia, malah berlanjutan sehingga di dalam syurga. Umat Nabi Muhammad SAW juga diberi keistimewaan apabila menjadi kelompok manusia yang akan mula-mula memasuki syurga dan yang paling ramai menjadi penghuni syurga.

Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya:

“Ahli syurga terdiri daripada 120 barisan, 80 daripada barisan itu adalah daripada kalangan umat ini (umat Nabi Muhammad SAW), dan 40 barisan lagi daripada kalangan sekalian umat lain.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Sesungguhnya kita amat beruntung menjadi umat Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, sewajarnya kita cinta kasih kepada Baginda dan menuruti setiap ajaran yang dibawa olehnya dan menolak sebarang bentuk fahaman yang bersalahan dengan ajaran Islam. Berpegang teguhlah terhadap ajaran Islam kerana inilah satu-satunya agama yang diterima di sisi Allah SWT.

Beruntungnya menjadi umat Nabi Muhammad SAW juga perlu disyukuri dengan memperbanyakkan selawat kepada baginda SAW. Semoga kita akan dapat bertemu Rasulullah SAW di dalam syurga nanti, *amin ya Rabbal 'alamin*.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad), jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan ingatlah, bahawa Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(Surah Ali 'Imran, ayat 31)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Khatib menyeru kepada sidang jumaat sekalian, marilah sama-sama kita imarahkan masjid ini dengan menunaikan solat berjemaah. Sesungguhnya solat berjemaah mempunyai banyak fadhilat dan hikmahnya.

Justeru, janganlah tuan-tuan menangguh-nangguhkan untuk datang ke masjid. Bawalah anak-anak kita, ajaklah jiran tetangga dan ahli qaryah kita untuk sama-sama mengimarahkan masjid ini. Mudah-mudahan usaha kita ini mendapat rahmat, keampunan dan keredhaan daripada Allah di dunia dan akhirat.

Begitu juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ
أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

Ya Allah,

Kami memohon hidayah dan petunjuk ke jalan kebenaran. Tetapkanlah iman kami di dalam agama-Mu. Basahilah lidah kami dengan bacaan al-Quran dan zikir kepada-Mu. Jadikanlah akhlak junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan kami. Pereratkanlah hubungan sesama kami, saling bekerjasama dan bantu membantu dalam kebajikan dan taqwa.

Ya Allah

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu.

Ya Allah,

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

آمين يا الله، يا رب العالمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِيدْكُمْ،
وَلَذِكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمْ اللهُ.